

02 SEP 2003

Sukan-Boling (Dunia)/I

MALAYSIA KEKALKAN SKUAD PIALA DUNIA

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Malaysia akan menaruh harapan pada barisan pemain boling yang mengharumkan nama negara dengan memenangi kejuaraan lelaki dan wanita di Piala Dunia Tenpin Berpasukan pada awal tahun ini bagi Kejohanan Dunia Ke 15 yang bermula minggu depan.

Pasukan lelaki itu akan diwakili oleh pemain berpengalaman iaitu Ben Heng, Daniel Lim, Alex Liew dan Azidi Ameran dan juga Zulmazran Zulkifli dan Jonathan Lim yang julungkali mengambil bahagian dalam Kejohanan Dunia.

Sementara itu pasukan wanita akan diketuai oleh pemain boling kebangsaan Shalin Zulkifli, Lai Kin Ngoh, Sarah Yap dan tiga muka baru iaitu Wendy Chai, Sharon Chai dan Choy Poh Lai.

Dua pemain muda Nadri Mohd Noor (lelaki) dan Zandra Aziela Ibrahim (wanita) digugurkan daripada skuad akhir yang terdiri daripada enam lelaki dan enam wanita bagi Kejohanan Dunia Berpasukan itu yang akan diadakan di Pyramid Megalanes di Bandar Sunway dekat sini dari 11 hingga 20 Sept.

Setiausaha Agung MTBC Sidney Tung yang mengesahkan skuad akhir hari ini berkata mereka mengekalkan barisan lama kerana masih percaya dengan kebolehan barisan itu yang memenangi dua kejuaraan di Piala Dunia Tenpin Berpasukan di Odense, Denmark pada Februari lepas.

"Ya, kami telah memuktamadkan skuad terakhir yang terdiri daripada enam lelaki dan enam wanita bagi kejohanan dunia itu. Mereka adalah barisan terbaik pada masa ini yang dipilih oleh jurulatih dan panel jawatankuasa pemilihan," kata beliau kepada pemberita di Majlis Sukan Negara di Bukit Jalil, hari ini.

Sebelum itu, MTBC menerima RM200,000 bagi penajaan Kejohanan Dunia daripada penaja Taja Gemilang mereka itu Sri Jentayu Sdn Bhd, sebuah syarikat pembekal jentera.

Pengarah Urusan Sri Jentayu Zakaria Hussein menyampaikan cek olok-olok kepada presiden MTBC Datuk Dr P.S. Nathan. Melalui tajaan ini, Sri Jentayu menjadi penaja utama korporat bagi acara ini.

Kesemua 12 pemain boling itu yang turut hadir di majlis berkenaan juga berjanji akan menang sebagai penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara pada bulan depan.

"Kami pemain-pemain boling Malaysia berikrar dan berjanji akan bermain dengan bersungguh-sungguh sehingga mencapai kejayaan dalam pertandingan yang akan dijalankan sebagai hadiah dan sumbangan kami sempena persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," menurut lafaz janji yang diketuai oleh Shalin.

Malaysia tidak pernah memenangi pingat emas dalam 14 Piala Dunia sebelum ini tetapi dengan kelebihan di tempat sendiri, kejohanan tahun ini kemungkinan menjadi saluran terbaik bagi mereka menyampaikan pingat emas buat pertama kali.

Jurulatih kebangsaan Holloway Cheah berkata anak-anak buahnya sedia menghadapi cabaran kali ini.

"Saya agak gembira dengan komitmen mereka semasa sesi latihan. Mereka dalam keadaan baik. Mereka akan mengubah waktu latihan daripada sesi pagi ke malam minggu ini supaya dapat menyesuaikan diri dengan tempoh masa sebenar kejohanan," kata Cheah.

-- BERNAMA

HRS AHH PR